



11 JUL, 2023

Sindiket sorok diesel subsidi di kawasan terpencil terbongkar

Sinar Harian, Malaysia



Page 1 of 2

Sindiket sorok diesel subsidi di kawasan terpencil terbongkar



Sazali (tengah) menunjukkan antara rampasan peralatan pam minyak yang digunakan untuk pemindahan diesel subsidi di sebuah gudang di Rawang pada Isnin.

RAWANG - Kegiatan sindiket selewang diesel yang berselindung di sebuah gudang haram di sini sejak awal tahun ini terbongkar selepas diserbu 5 Julai lalu.

Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Penguatkuasaan dan Pematuhan) Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Datuk Sazali Mohamad berkata, serbuan kira-kira jam 9 malam itu dijalankan sepasukan anggota Bahagian Penguatkuasaan JKDM Zon 1 Tengah Unit 1.

Menurutnya, pemeriksaan menemui beberapa muatan tangki diesel, tiga tangki skid bersaiz 30,000 liter dan tiga lori bonded yang sudah diubah suai.

“Turut ditemui adalah peralatan pam minyak bagi tujuan penyelewang diesel bersubsidi dianggarkan 48,600 liter bernilai RM104,490 membabitkan cukai dan duti berjumlah RM19,920,” katanya pada sidang akhbar di gudang berkenaan di

sini pada Isnin.

Beliau berkata, modus operandi sindiket ialah menjalankan aktiviti pembekalan dan penyimpanan diesel bersubsidi di gudang persendirian yang terletak di kawasan terpencil bagi mengelak dikesan pihak berkuasa.

Katanya, sindiket yang dipercayai aktif sejak awal tahun ini menjadikan gudang ini sebagai lokasi penyimpanan atau transit diesel kerana kedudukannya terlindung dari pandangan awam.

“Dipercayai juga sindiket terbabit menjalankan aktiviti penjualan diesel bersubsidi kepada pihak industri tempatan.

“Berdasarkan maklumat diperolehi, sindiket ini dipercayai membeli diesel bersubsidi pada harga RM2.15 seliter sebelum dijual kepada pemain industri dengan harga RM4 seliter berbanding harga ditetapkan untuk pihak industri iaitu sekitar RM5 seliter,” katanya.



11 JUL, 2023

Sindiket sorok diesel subsidi di kawasan terpencil terbongkar

Sinar Harian, Malaysia



SUMMARIES

Sazali (tengah) menunjukkan antara rampasan peralatan pam minyak yang digunakan untuk pemindahan diesel subsidi di sebuah gudang di Rawang pada Isnin.

RAWANG - Kegiatan sindiket selewang diesel yang berselindung di sebuah gudang haram di sini sejak awal tahun ini terbongkar selepas diserbu 5 Julai lalu.